

Headline **Boleh sebabkan kematian - MDA**
Date **29 May 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **188 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,635**
PRValue **4,904**



Boleh sebabkan kematian – MDA

KUALA LUMPUR - Orang ramai yang mendapatkan rawatan pergigian di tepi jalan seperti yang ditawarkan beberapa lelaki warga China di Pasar Pudu di sini berisiko tinggi mendapat jangkitan kuman dan terdedah kepada pelbagai seperti AIDS, batuk kering dan hepatitis B.

Presiden Persatuan Pergigian Malaysia (MDA), Dr. Lee Soon Boon berkata, risiko itu kerana prosedur yang dilakukan oleh 'dokter' terbabit tidak sempurna dan tidak mustahil boleh mengakibatkan kematian kepada pelanggan.

"Ketika prosedur untuk memasang gigi tersebut, mungkin berlaku pendarahan dan peralatannya pula tidak dinyahkuman, jadi terdapat kemungkinan mereka yang menggunakan perkhidmatan seperti ini menghadapi komplikasi jangkitan yang serius.

"Pada peringkat awal komplikasi berlaku gusi bernanah, bengkak dan sakit berdenyut-denyut serta terdapat kemungkinan juga mereka boleh dijangkiti penyakit berbahaya



SEORANG 'dokter' jalanan menunggu pelanggan di Jalan Pasar, Kuala Lumpur semalam.



KAD yang diberikan oleh 'dokter' gigi jalanan kepada pelanggan mereka.

seperti HIV, batuk kering atau hepatitis B," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Soon Boon memberitahu, seseorang doktor gigi perlu melalui proses pembelajaran dan perlu mendapatkan Sijil Amalan Tahunan yang dikeluarkan oleh Majlis Pergigian Malaysia (MPM) untuk memastikan kualiti dan tahap profesionalisme

berada pada tahap yang tinggi.

"Orang ramai perlu sedar dan elak diri mereka daripada mendapat perkhidmatan yang meragukan kerana kesannya sangat bahaya dan kami di MDA amat prihatin dengan apa yang berlaku dan mahu tindakan tegas diambil," ujar beliau.

Tambahnya lagi, hukuman

berat turut menanti seseorang yang didapati bersalah melakukan kegiatan tersebut kerana ia menyalahi Akta Doktor Pergigian 1971.

"Doktor-doktor gigi 'palsu' ini boleh dikenakan denda RM10,000 hingga RM50,000 ataupun penjara tidak melebihi lima tahun jika didapati bersalah," katanya.